

Perdana Menteri lebih utama kejayaan RMK-9 demi rakyat

MEMANG sukar memuaskan hati semua pihak. Lebih menyedihkan apabila mereka tidak senang dengan sesuatu dasar dan keputusan kerajaan cuba membuat kacau dan menabur fitnah. Justeru, tidak hairanlah apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan golongan yang berasa lebih pandai daripada orang lain itu bersikap seperti 'iblis'. Kenyataan Perdana Menteri itu, yang selama ini kelihatan lebih memilih untuk berdiam diri terhadap pelbagai kritikan ke atas pentadbirannya, memberi isyarat jelas bahawa sejauh mana kesediaannya bertolak-ansur beliau juga mempunyai had. Memang, sebagai pemimpin, pelbagai cabaran terpaksa dilalui lebih-lebih lagi untuk memberi kesejahteraan dan keadilan kepada rakyat walaupun sesetengah program dilaksanakan tidak dapat memuaskan semua pihak. Dalam hal ini, Perdana Menteri sendiri sedia ditegur dan menerima teguran pada bila-bila masa asalkan teguran itu ikhlas, dilakukan di bilik mesyuarat dan bertujuan positif. Apa yang penting ialah menghadapi setiap gangguan dengan kekuatan, keupayaan dan keazaman untuk terus memelihara kestabilan dan mewujudkan kemakmuran rakyat.

Mengkritik dan menegur secara membina tidak salah, malah digalakkan dalam sistem demokrasi tetapi jika sudah ke tahap menghina dan memfitnah serta lebih didorong sifat dengki ia perlu dihentikan. Langkah beliau tidak mahu membuang masa dan menghabiskan tenaga melayan gangguan yang tidak memberi manfaat kepada rakyat memang wajar. Kesanggupan pucuk pimpinan mengorbankan masa mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak sebelum melaksanakan sesuatu dasar atau projek seharusnya dipuji. Jadi, semua pihak tidak sepatutnya mengambil kesempatan atas sikap terbuka dan ketelusan Perdana Menteri untuk membuat tuduhan tidak berasas. Apa yang penting ialah menghadapi cabaran dan tanggungjawab lebih besar mencapai Wawasan 2020 selain menangani keadaan semasa dalam dan luar negara seperti kenaikan harga bahan petroleum dan perang di Asia Barat. Di sebalik cabaran ini, kerajaan ada komitmen memastikan setiap program disusun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dapat dilaksanakan mengikut jadual dan dinikmati rakyat.

Kita berharap semua pihak terutama kakitangan awam memberi perhatian kepada usaha murni itu daripada menghabiskan masa dengan mendengar pelbagai fitnah mengenai kepemimpinan sekarang. Semua prosedur yang melambat dan menyukarkan pelaksanaan projek perlu diganti amalan baru yang lebih mudah, sekali gus mengurangkan kerenah birokrasi. Kita percaya kakitangan kerajaan pada semua peringkat memahami hasrat Perdana Menteri. Jadi, tidak ada sebab mereka tidak dapat membuktikan keikhlasan bekerja secara bermuafakat dan mengelakkan birokrasi yang sering menimbulkan masalah. Kakitangan awam termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menjadikan RMK-9 sebagai milik bersama bagi memudahkan agenda pembangunan nasional menjadi kenyataan. Mereka mesti menerima hakikat selagi kita tidak menjadi pemilik RMK-9, tidak mungkin program terkandung di dalamnya boleh dilaksanakan dengan sempurna. Kakitangan awam perlu melihat bagaimana lima teras pelan pembangunan boleh dihayati dan seterusnya menjadi wadah untuk mengatur strategi dan melaksanakannya.

BH - 12/8/2006

DANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YASAN
PIMPINAN
DANA